

Analisis Kesilapan Tersalah Letak Kata Nama Bahasa Cina

Ang Lay Hoon ¹, Lau Su Kia ², Sheena Kaur A/P Jaswant Singh ³
Tay Yang Lian ⁴, Hazlina Abdul Halim ⁵, Roslina Mamat ⁶

¹ *Universiti Putra Malaysia, Malaysia, hlang@upm.edu.my*

² *Universiti Malaya, Malaysia, lausk@um.edu.my*

³ *Universiti Malaya, Malaysia, sheena@um.edu.my*

⁴ *Universiti Kuala Lumpur, Malaysia, yltay@rcmp.unikl.edu.my*

⁵ *Universiti Putra Malaysia, Malaysia, nina@fbmk.upm.edu.my*

⁶ *Universiti Putra Malaysia, Malaysia, roslina@fbmk.upm.edu.my*

Abstrak

Pelajar bukan Cina yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua lazim melakukan kesilapan sintaksis dalam ayat bahasa Cina. Didapati bahawa pelajar bukan Cina sentiasa tersalah letak perkataan dalam ayat bahasa Cina yang dibina. Tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengkaji masalah penyalahletakan kata nama tempat dan kata nama masa dalam ayat bahasa Cina. Demi mengelakkan pelajar bukan Cina melakukan kesilapan urutan kata tersebut, kajian ini juga menyiasat kaedah/teknik pengajaran yang digunakan agar membantu pelajar dalam meletakkan kata nama di kedudukan yang tepat dalam ayat. Seramai 40 orang pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dipilih sebagai sampel kajian ini. Data yang dikaji merupakan ayat yang terdapat kesilapan tersalah letak kedua-dua jenis kata nama tersebut yang dihasilkan oleh sampel kajian dalam penulisan. Data dikenal pasti dan dianalisis secara kualitatif. Selain itu, seramai lima orang pensyarah dan guru bahasa Cina telah ditemu bual dengan soalan separa berstruktur untuk menyiasat kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh mereka. Disebabkan gangguan bahasa ibunda (iaitu bahasa Melayu), pelajar Melayu cenderung meletakkan kedua-dua jenis kata nama tersebut dalam ayat bahasa Cina berdasarkan urutan kata bahasa Melayu. Hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa terdapat 13 jenis kaedah pengajaran yang digunakan. Antaranya kaedah pengajaran yang mewajibkan pelajar bertutur dalam bahasa Cina di kelas, lakon peranan, soal jawab antara pelajar dengan pensyarah/guru bahasa serta kaedah meminta pelajar bertutur dengan penutur natif bahasa Cina di luar kelas bahasa berfungsi untuk membantu pelajar menguasai urutan kata bahasa Cina melalui komunikasi.

Kata kunci: Kesilapan, Urutan Kata, Kata Nama Tempat, Kata Nama Masa, Bahasa Cina, Kaedah Pengajaran

1.0 Pengenalan

Di Malaysia, sesetengah pelajar yang memasuki IPTA perlu mengambil bahasa kedua (B2) atau bahasa asing sebagai kursus elektif. Bilangan pelajar bukan Cina yang mempelajari bahasa Cina (BC) semakin meningkat. Dalam proses mempelajari BC sebagai B2, kesilapan yang lazim dilakukan oleh pelajar kaum Melayu termasuk aspek sebutan, penggunaan item leksikal, susunan frasa, kata berlebihan, ketinggalan kata, tanda baca dan pembentukan ayat yang tidak lengkap (Su, 1999; Cheun, Ho & Hoe, 2009; Lau & Ng,

2011). Secara umumnya, kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar bukan penutur natif terbahagi kepada empat jenis, iaitu kesilapan tertinggal perkataan, kesilapan penambahan perkataan yang tidak diperlukan, kesilapan disebabkan salah ganti perkataan dan kesilapan urutan kata (Lu, 1994). Didapati bahawa pelajar-pelajar bukan Cina lazim tersalah letak kata isian, kata tugas, frasa, komponen ayat dalam ayat BC yang dibina. Tambahan pula, mereka juga lazim membina ayat pasif, ayat berstruktur “*ba*” dan ayat perbandingan yang salah dari segi urutan kata (Lau & Ng, 2011).

Penyelidik-penyelidik luar negara seperti Mi (2006), Zhou, Zhu dan Deng (2007), Hou (2008), Ruan (2008) serta Zhu dan Zeng (2010) pernah mengkaji kesilapan urutan kata BC yang dilakukan oleh pelajar berbahasa ibunda seperti Korea, Perancis, Sepanyol, Vietnam dan juga negara Thai. Faktor-faktor yang mengakibatkan kesilapan tersebut termasuk gangguan bahasa ibunda, gangguan bahasa sasaran (BC) dan masalah peribadi pelajar (seperti malas menghafal, takut salah dan sikap tidak ingin mencuba soalan yang susah). Antaranya gangguan bahasa ibunda merupakan faktor yang utama.

Ramai penyelidik tempatan menunjukkan bahawa punca utama kesilapan struktur bahasa Cina adalah disebabkan oleh pengaruh negatif bahasa ibunda, iaitu bahasa Melayu (BM) ke atas proses pembelajaran pelajar. Antara kajian yang telah membuktikan pengaruh nyata bahasa ibunda ke atas pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan pelajar Melayu termasuk kajian Supian (1994), Ooi (1998), Toh, Ainol dan Wee (2005), Chen (2008) serta Cheun, Ho dan Hoe (2009). Penyelidikan ini hanya berfokus pada kesilapan tersalah letak dua jenis kata nama BC sahaja, iaitu kata nama masa dan kata nama tempat. Kesilapan ini agak umum dilakukan oleh pelajar bukan Cina.

2.0 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji masalah kesilapan urutan kata yang muncul dalam ayat yang dibina oleh pelajar-pelajar Melayu yang mempelajari BC sebagai B2. Secara lebih spesifik, terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai, iaitu:

- i. Mengetahui **jenis kesilapan** tersalah letak kata nama masa dan kata nama tempat dalam ayat BC yang dihasilkan oleh pelajar Melayu;
- ii. Mengetahui **kaedah-kaedah pengajaran** yang digunakan untuk membantu pelajar bukan Cina meletakkan kedua-dua jenis kata nama tersebut di kedudukan yang tepat dalam ayat BC.

3.0 Metodologi Kajian

Sejumlah 40 orang pelajar Melayu yang mempelajari BC sebagai B2 di universiti awam tempatan dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. 16 orang daripada mereka belajar di Universiti Malaya (UM), manakala 24 orang yang lain belajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kursus BC sebagai bahasa asing/kedua di kedua-dua universiti ini mementingkan aspek lisan yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, dan juga aspek membaca dan mengenal tulisan BC yang merangkumi kemahiran membaca dan menulis. Data kajian terdiri daripada tiga jenis, iaitu (1) skrip jawapan peperiksaan akhir, (2) skrip jawapan ujian dan (3) tugas dan latihan bertulis. Ketiga-tiga jenis data dalam bentuk bertulis tersebut merangkumi susun semula ayat, penterjemahan (daripada BM ke

BC), binaan ayat dan karangan. Akhirnya, 91 ayat yang tersalah letak kata nama masa dan kata nama tempat telah dikesan lalu dicatat dan dianalisis secara kualitatif.

Demi menerokai kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan agar membantu pelajar bukan Cina meletakkan kedua-dua kata nama BC tersebut di kedudukan yang tepat, temu bual telah dikendalikan dengan tiga orang pensyarah dan dua orang guru bahasa¹ yang mengajar BC sebagai B2 di universiti awam tempatan. Soalan temu bual diberi kepada responden guru terlebih dahulu sebelum sesi temu bual supaya mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat persediaan. Lima orang responden guru tersebut dipertanyakan dengan 16 soalan separa berstruktur dalam sesi temu bual. Seterusnya, maklum balas responden-responden guru tersebut dikemaskinikan lalu dianalisis secara kualitatif.

4.0 Sampel dan Responden Kajian

Umur kesemua pelajar Melayu yang dikaji adalah dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun. BM merupakan bahasa ibunda mereka, manakala bahasa Inggeris (BI) yang dipelajari semasa di bangku sekolah merupakan B2 mereka. Pembelajaran asas BC dimulakan selepas mereka memasuki universiti. Pada masa kajian, mereka telah mengikuti kelas BC sekurang-kurangnya dua semester, dan sudah berupaya untuk berkomunikasi dalam BC yang mudah, membaca dan menulis sebilangan aksara BC, dan juga memahami sistem fonetik *hanyu pinyin*. Selain itu, antara lima orang responden guru yang ditemu bual, salah seorang daripada mereka berasal dari negara China, manakala yang lain adalah orang Malaysia. Mereka mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam mengajar BC sebagai B2 di peringkat universiti.

5.0 Kesilapan Letak Kata Nama

Antara kata nama masa dan kata nama tempat, didapati bahawa pelajar lebih kerap tersilap letak kata nama masa dalam ayat BC yang dibina oleh mereka. Secara kontrastifnya, kesilapan letak kata nama tempat adalah kurang. Tambahan pula, didapati bahawa terdapat juga sampel kajian yang tersalah letak kedua-dua kata nama tersebut dalam satu ayat BC yang sama. Dapatan kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kekerapan dan peratusan kesilapan

Jenis kata nama	Kekerapan kesilapan	Peratusan (%)
Kata nama masa	59	64.8
Kata nama tempat	32	35.2
Jumlah:	91	100.0

5.1 Kesilapan letak kata nama masa

Kesilapan tersalah letak kata nama masa terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut.

¹ Di IPTA Malaysia, walaupun status guru bahasa dan pensyarah BC adalah berbeza, tetapi tugas mengajar BC sebagai B2 atau bahasa asing tidak dibezakan.

5.1.1 Kata nama masa disalahkanletakkan di hujung ayat

- a. Women qu tushuguan *jintian*.
TM²: Kami pergi ke perpustakaan *hari ini*.

Disebabkan gangguan BM dan BI, pelajar Melayu lazim meletakkan kata nama masa (*jintian*) di hujung ayat.

5.1.2 Komponen kata nama masa diterbalikkan

- b. *Jintian shi ershisi hao Wuyue*.
TM: Hari ini ialah *24hb Mei*.

Urutan masa BC adalah dari unit besar ke unit kecil, iaitu “hari–waktu–masa” atau “tahun–bulan–hari”. Sebaliknya urutan masa BM adalah dari unit kecil ke unit besar, iaitu “masa–waktu–hari” atau “hari–bulan–tahun”. Gangguan BM turut mengakibatkan pelajar Melayu menterbalikkan komponen masa dalam contoh (b).

5.1.3 Urutan kata salah yang berbentuk “S + V + zai (pada) + kata nama masa”

- c. Wo qu Guandan *zai Xingqisan*.
TM: Saya pergi ke Kuantan *pada hari Rabu*.

Salah sejenis urutan kata dalam BM adalah berbentuk “Subjek (S) + kata kerja/frasa kerja (V) + pada + kata nama masa”, tetapi urutan kata BC adalah berlainan dengan BM. Kata preposisi “*zai*” (pada) sebenarnya tidak diperlukan dalam contoh di atas.

5.2 Kesilapan letak kata nama tempat

Kesilapan tersalah letak kata nama tempat terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut.

5.2.1 Urutan kata salah yang berbentuk “S + V + zai (di) + kata nama tempat”

- d. Wo tou(mai) dongsi(xi) *zai Guzhongcheng*.
TM: Saya membeli-belah *di Mid Valley*.

Disebabkan gangguan bahasa ibunda, pelajar Melayu lazim membina ayat BC berdasarkan urutan kata BM, iaitu “S + V + *zai* (di) + kata nama tempat”. Didapati bahawa pelajar Melayu tersalah letak kata nama tempat (*Guzhongcheng*) di hujung ayat atau belakang kata/frasa kerja (*mai dongxi*).

5.2.2 Urutan kata salah yang berbentuk “S + V + qu (ke) + kata nama tempat”

- e. Wo dasuan nian shuoshi *qu Zhongguo*.
TM: Saya merancang untuk melanjutkan pelajaran peringkat sarjana *ke negara China*.

Urutan kata BC yang tepat ialah “S + *qu* (ke) + kata nama tempat + V”. Disebabkan gangguan BM, pelajar Melayu cenderung membina ayat BC berdasarkan urutan kata BM, iaitu “S + V + *qu* (ke) + kata nama tempat”.

² TM: Terjemahan dalam bahasa Melayu.

5.2.3 Urutan kata salah yang berbentuk “S + V + cong(dari) + kata nama tempat”

- f. Suriana xin(gang) huilai *cong Pahang (Pengheng)*.
TM: Suriana baru balik *dari Pahang*.

Urutan kata BC yang tepat ialah “S + *cong* (dari) + kata nama tempat + V”. Contoh (f) yang berstruktur “S + V + *cong* (dari) + kata nama tempat” adalah mengikut urutan kata BM dan BI.

5.3 Kesilapan letak kata nama masa dan kata nama tempat

Kedua-dua kata nama yang tersalah letak di hujung ayat seperti contoh berikut:

- g. Wo xuexi *zai Malaiya daxue jinnian*.
TM: Saya belajar di *Universiti Malaya pada tahun ini*.

Pelajar Melayu cenderung meletakkan kata nama masa dan kata nama tempat di hujung ayat BC. Urutan kata BC yang tepat ialah “kata nama masa + S + *zai* (di) + kata nama tempat + V”.







Setakat menganalisis kesilapan urutan kata yang dilakukan oleh pelajar adalah tidak cukup. Kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar juga perlu dikaji (Erdogan, 2005) agar membantu pelajar-pelajar menguasai urutan kata BC dengan lebih berkesan di samping mengurangkan kesilapan tatabahasa yang dilakukan oleh mereka.

6.0 Kaedah Pengajaran yang Digunakan

Berdasarkan maklum balas daripada lima orang responden guru, terdapat sebanyak 13 jenis kaedah pengajaran yang digunakan untuk membantu pelajar Melayu dalam meletakkan kedua-dua jenis kata nama tersebut di kedudukan yang tepat dalam ayat BC.

6.1 Penggunaan formula

Semasa menerangkan kedudukan kata nama masa dan kata nama tempat dalam ayat BC, tiga jenis formula berikut digunakan, iaitu dalam bentuk perkataan, singkatan dan simbol (Lihat Rajah 1).

<p>Formula dalam bentuk perkataan: Masa Subjek qu/zai Tempat Kata kerja <i>Jintian wo qu tushuguan. / Jintian wo qu tushuguan jieshu.</i> Saya pergi ke perpustakaan hari ini. / Saya pergi ke perpustakaan untuk meminjam buku pada hari ini.</p> <p>Formula dalam bentuk singkatan: SMTA = Subjek + Masa + Tempat + Aktiviti (kata kerja) Lila <i>Xingqisan qu daxue shangke.</i> Leela pergi ke universiti untuk menghadiri kelas pada hari Rabu.</p> <p>Formula dalam bentuk simbol:</p> <p>  qu/zai  /   qu/zai  V <i>Zuotian women zai sushe. / Zuotian women zai sushe tantian.</i> Kami berada di asrama semalam. / Kami berbual-bual di asrama semalam.</p>

Rajah 1: Tiga jenis formula yang digunakan

Menurut responden guru, formula dalam bentuk singkatan dan simbol lebih mudah diingat oleh pelajar sekiranya dibandingkan dengan formula dalam bentuk perkataan. Selepas formula tersebut diterangkan, pelajar diminta agar menghafal formula tersebut supaya dapat mengaplikasikannya semasa membina ayat BC.

6.2 Latih tubi diikuti oleh perbincangan

Sebanyak tujuh jenis latihan telah diberikan, iaitu:

6.2.1 Latihan menyusun semula ayat

Latihan ini memerlukan pelajar menyusun semula beberapa patah perkataan yang diberikan sehingga menjadi ayat yang tepat dari segi tatabahasa. Contoh:

- i. Kata nama masa : shangke wo jintian daxue qu zhongwu.
menghadiri kelas – saya – hari ini – universiti – pergi – tengah hari.
- ii. Kata nama tempat: zai dianyingyuan pengyou kan wo dianying he.
di – panggung wayang – kawan – menonton – saya – wayang – dan.

6.2.2 Latihan menterjemahkan ayat

Latihan menterjemah ayat dari BM ke BC membolehkan pelajar mengenal pasti perbezaan urutan kata antara kedua-dua jenis bahasa di samping mengelakkan diri mereka terpengaruh oleh urutan kata bahasa ibunda semasa meletakkan kata nama dalam ayat BC.

Contoh: Terjemahkan ayat BM “Mereka pergi ke kedai buku semalam” ke dalam BC.

6.2.3 Latihan substitusi

Latihan ini bukan sahaja membolehkan pelajar mengenali kata-kata BC yang baharu, tetapi juga membantu mereka mengingati urutan kata dalam ayat BC. Contoh :

<i>Jintian</i> (Hari ini)	<i>zaoshang</i> (pagi)	wo (saya)	qu (pergi ke)	<i>daxue</i> (universiti)	kanshu. (membaca buku.)
<i>Mingtian</i> (Esok)	<i>zhongwu</i> (tengah hari)	didi (adik)	zai (di)	<i>tushuguan</i> (perpustakaan)	shangke. (mengikuti kelas.)
<i>Zuotian</i> (Semalam)	<i>xiawu</i> (petang)				jie shu. (meminjam buku.)

6.2.4 Latihan meniru ayat

Latihan meniru ayat mengkehendaki pelajar membina lebih banyak ayat baharu dengan berdasarkan contoh ayat yang diberi, misalnya:

Zuotian zaoshang wo qu gouwuzhongxin mai dongxi.
(Saya pergi ke pusat beli-belah untuk membeli barang pada waktu pagi semalam.)

Jintian xiawu ta qu tushuguan jie shu.
(Dia pergi ke perpustakaan untuk meminjam buku pada petang hari ini.)



6.2.5 Latihan membina ayat

Latihan membina ayat dijalankan dalam bentuk bertulis atau lisan. Latihan bertulis biasanya diperoleh dari buku teks atau disediakan oleh pengajar. Contohnya, perkataan atau gambar diberikan, dan pelajar-pelajar perlu membina ayat dengan menggunakan kata nama masa atau kata nama tempat.

6.2.6 Latihan membetulkan ayat yang salah

Latihan membetulkan ayat diberi apabila topik yang diajar melibatkan sesuatu bentuk ayat. Pelajar dikehendaki membetulkan ayat yang salah dari segi urutan kata, misalnya “wo nianshu zai *daxue Jilandan*.” (Saya belajar di UMK).

6.2.7 Latihan melengkapkan ayat

Berikut adalah contoh latihan melengkapkan ayat dengan menggunakan kata nama masa dan kata nama tempat.

1. Kata nama masa: _____ wo he didi qu youyong.
Saya dan adik saya pergi berenang pada _____.
2. Kata nama tempat: Wo he pengyou zai _____ chi dongxi.
Saya dan kawan saya makan di _____.

Akan tetapi, apa yang ingin ditekankan di sini adalah bukan setiap responden guru memberi semua latihan yang disebutkan di atas kepada pelajar. “Tahap kesukaran setiap latihan bermula dari yang senang ke yang susah. Setiap latihan adalah diikuti oleh perbincangan. Melalui perbincangan dan penerangan di dalam kelas, pelajar lebih mudah mengesan kesilapan sendiri lalu belajar dari kesilapan yang dilakukan.” (Responden A)

6.3 Maklum balas pembedaan daripada guru

Semua responden guru memberi maklum balas pembedaan. Kesilapan dalam latihan bertulis biasanya dibulatkan lalu dibetulkan. Selain itu, dua orang responden guru mencatat ayat-ayat yang berurutan kata salah lalu menyalin ayat-ayat tersebut di atas papan putih. Kemudian, mereka membetulkan ayat-ayat silap tersebut di hadapan semua pelajar lalu membuat penerangan. Selepas pembedaan dan penerangan dibuat, pelajar diminta untuk membaca ayat yang betul secara bergilir-gilir atau bersama-sama agar mendalamkan pemahaman mereka.

6.4 Mewajibkan pelajar bertutur dalam BC di kelas

Didapati bahawa pelajar Melayu lazim menggunakan BM atau dialek Melayu untuk bertutur dengan mereka yang sama etnik dengannya. Justeru, kaedah mewajibkan pelajar menggunakan BC di dalam kelas bukan sahaja boleh membantu pelajar menguasai sebutan BC, tetapi juga membolehkan mereka membiasakan diri dengan urutan kata BC.

6.5 Kaedah perbandingan

Semua responden guru menunjukkan dan menerangkan perbezaan dari segi urutan kata dalam BC dan BM/BI. Dua atau lebih ayat yang menggunakan bahasa yang berlainan tetapi membawa makna yang sama disenaraikan di atas papan putih atau *Power Point*. Misalnya:

Ayat BC: Wo zai *Jilandan daxue* nianshu.

Ayat BM: Saya belajar di *Universiti Malaysia Kelantan*.

Ayat BC: *Jintian xiawu* tamen qu tushuguan.

Ayat BM: Mereka pergi ke perpustakaan pada *petang hari ini*.

Pengajar membuat perbandingan dengan menunjukkan bahawa kata nama tempat BM (Universiti Malaysia Kelantan) biasanya diletakkan selepas kata kerja (belajar), manakala kata nama tempat BC (Jilandan daxue) biasanya diletakkan sebelum kata kerja (nianshu). Selain itu, pengajar juga menunjukkan bahawa susunan komponen masa BM

adalah dalam bentuk “waktu-hari” (petang hari ini), manakala susunan komponen masa BC adalah sebaliknya, iaitu “hari-waktu” (jintian xiawu). Tambahan pula, kata nama masa BM biasanya digunakan di hujung ayat, sebaliknya kata nama masa BC biasanya wujud di bahagian depan ayat.

6.6 Lakon peranan

Empat responden guru membantu pelajar menguasai urutan kata BC melalui kaedah lakon peranan. Pelajar dikehendaki berlakon peranan dalam bentuk dialog, misalnya dalam konteks menentukan masa untuk pergi membeli-belah. Setiap kumpulan lakon peranan terdiri daripada dua hingga tiga orang pelajar. Selepas pelajar menjalani aktiviti lakon peranan berdasarkan skrip yang dihasilkan sendiri, pengajar akan membetulkan kesilapan (termasuk kesilapan tersalah letak kata nama) yang ditemui. Justeru, “aktiviti lakon peranan membolehkan pelajar berpeluang untuk mendengar dan menggunakan pelbagai jenis ayat BC, antaranya termasuk ayat yang menggunakan kata nama masa dan kata nama tempat. Selain itu, kaedah ini juga membolehkan mereka membiasakan diri dengan urutan kata BC yang berlainan dengan BM dan BI.” (Responden A)

6.7 Kaedah soal jawab

Seramai empat orang responden guru menggunakan kaedah soal jawab untuk membantu pelajar dalam mengukuhkan penguasaan urutan kata BC. Misalnya, pengajar bertanya kepada pelajar soalan-soalan seperti “Zuotian ni qu nali?” (Awak pergi ke mana semalam?) dan “Ni shenme *shihou* hui jiaxiang?” (Bilakah awak pulang ke kampung halaman?). Manakala pelajar perlu memberi maklum balas seperti “Zuotian wo qu guojia huijiaotang.” (Saya pergi ke Masjid Negara semalam.) dan “Wo *shang ge xingqi* hui jiaxiang.” (Saya pulang ke kampung halaman pada minggu lepas.). Kaedah pengajaran secara soal jawab ini bukan sahaja mewujudkan interaksi dua hala antara guru dengan pelajar, malahan membolehkan pelajar memahami urutan kata dalam kedua-dua jenis ayat BC tersebut melalui proses mendengar dan menjawab.

6.8 Meminta pelajar membaca dengan suara yang lantang

Menurut tiga orang responden guru, mereka cenderung menerangkan urutan kata dalam ayat-ayat BC secara berulang-kali terlebih dahulu. Selepas itu, pelajar diminta untuk membaca ayat-ayat tersebut secara berulang kali dengan suara yang lantang. “Pembacaan teks dan ayat BC dengan suara yang lantang bukan sahaja dapat meningkatkan semangat pelajar, tetapi juga membolehkan mereka mengingati cara-cara sebutan dan urutan kata (termasuk kedudukan kata nama dalam ayat) yang tepat.” (Responden C)

6.9 Kaedah audio visual

Kelima-lima orang responden guru tersebut menunjukkan bahawa mereka memainkan rakaman suara di dalam kelas. Kandungan rakaman berkaitan dengan teks dan juga jenis ayat BC yang diajar. Selain itu, salah seorang responden guru menyunting lalu menayangkan bahagian drama bersiri, wayang atau kartun BC di dalam kelas. Setiap tayangan dimainkan sekurang-kurangnya dua kali. “Kaedah ini bukan sahaja boleh menarik minat pelajar, malahan memberi peluang kepada pelajar-pelajar bukan Cina untuk

mendengar pelbagai jenis ayat BC di samping membolehkan mereka membiasakan diri dengan urutan kata BC.” (Responden B)

6.10 Permainan bahasa

Permainan bahasa merujuk kepada aktiviti yang dijalankan dalam kelas B2 secara amnya atau yang dapat memupuk inovatif dan minat pelajar secara khasnya. Berdasarkan hasil dapatan temu bual, didapati bahawa kaedah pengajaran ini menyeronokkan dan digunakan oleh tiga orang responden guru. “Akan tetapi, permainan bahasa tidak dapat dijalankan dengan kerap disebabkan kekangan masa pengajaran.” (Responden D). Salah sejenis permainan bahasa adalah mengkehendaki pelajar memilih kad tulisan yang terkumpul lalu mengaturkan kad-kad tersebut supaya menjadi ayat yang berurutan kata tepat. Selain itu, kuiz juga diadakan dalam bentuk pertandingan, iaitu meminta pelajar membina ayat atau menterjemahkan ayat-ayat (antaranya termasuk ayat yang menggunakan kedua-dua kata nama tersebut) dari BM ke BC dalam bentuk berebut untuk menjawab. Individu atau kumpulan yang dapat membentuk ayat dengan tepat dan cepat dikira menang dan mereka diberi hadiah atau markah.

6.11 Memberi contoh ayat tambahan

Semasa menerangkan kedudukan kata nama masa dalam sesuatu ayat, beberapa ayat tambahan yang lain diberikan. Ayat/ccontoh tambahan tersebut dibentuk sama ada oleh pengajar atau oleh pelajar di bawah bimbingan pengajar. Melalui kaedah pemberian atau pembinaan ayat-ayat tambahan, pelajar dapat mengesan persamaan antara ayat-ayat tersebut. Kaedah ini turut membantu mereka mengingat urutan kata dalam ayat-ayat berkaitan dengan lebih mudah.

6.12 Menggunakan kelebihan persekitaran bahasa sasaran

Hasil temu bual menunjukkan bahawa hanya seorang responden guru yang menggunakan kelebihan persekitaran bahasa sasaran untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Menurut responden guru, demi menggunakan persekitaran bahasa sasaran di Malaysia dengan sebaik-baiknya, salah satu tugas yang diberikan adalah meminta pelajar bukan Cina bertutur dalam BC dengan orang Cina yang fasih akan BC di sekitar mereka. Perbualan mereka dirakamkan lalu dimainkan di dalam kelas BC. Pengajar akan membetulkan kesilapan urutan kata yang dilakukan oleh pelajar selepas rakaman dimainkan. Oleh sebab pelbagai jenis ayat BC digunakan dalam perbualan mereka, pelajar-pelajar bukan Cina dapat dibantu untuk menguasai urutan kata dalam ayat BC termasuk memahami kedudukan kata nama dalam ayat BC melalui perbualan dengan penutur-penutur natif BC di konteks yang sebenar.

6.13 Bantuan perisian

Hanya seorang responden guru menggunakan perisian, iaitu “*Tell Me More CJ*” untuk membantu pelajar menguasai urutan kata dalam ayat BC (termasuk meletakkan kata nama di kedudukan yang tepat). Perisian ini digunakan semasa pelajar belajar BC di makmal bahasa. “*Tell Me More CJ*” mengandungi penerangan tentang pelbagai jenis urutan kata, latihan isi tempat kosong, susun semula ayat dan latihan-latihan lain yang menarik. Menurut responden guru tersebut, perisian ini digunakan selepas pengajaran setiap bab atau

aspek tatabahasa tertentu. Disebabkan setiap latihan dalam perisian disertai dengan semakan, maka pelajar dapat mengenal pasti dan membetulkan kesilapan urutan kata dengan serta-merta. Dengan adanya perkembangan teknologi yang pesat, penggunaan perisian dalam pengajaran dan pembelajaran BC memang dapat menarik minat pelajar.

7.0 Kesimpulan dan Cadangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar cenderung meletakkan kata nama BC dalam ayat dengan berdasarkan urutan kata BM. Dengan kata lain, kata nama masa dan kata nama tempat BC lazim disalahletakkan di hujung ayat BC oleh pelajar Melayu. Selain itu, komponen masa “hari - waktu - masa” atau “tahun - bulan - hari” dalam ayat BC juga kerap diterbalikkan oleh mereka. Punca utama kesilapan ini adalah gangguan BM (bahasa ibunda) yang sedia dikuasai oleh pelajar.

Terdapat 13 jenis kaedah pengajaran yang digunakan agar membantu pelajar bukan Cina meletakkan kedua-dua kata nama tersebut di kedudukan yang tepat. Kebanyakan kaedah pengajaran adalah lebih berpusatkan pelajar. Hanya sebahagian kecil kaedah pengajaran berpusatkan pengajar. Antaranya kaedah pengajaran yang mewajibkan pelajar bertutur dalam BC di kelas, lakon peranan, soal jawab antara pelajar dengan pensyarah/guru bahasa serta kaedah meminta pelajar bertutur dengan penutur natif BC di luar kelas bahasa berfungsi untuk membantu pelajar menguasai urutan kata BC melalui komunikasi.

Walau bagaimanapun, penyelidikan kualitatif ini hanya terbatas pada mengkaji kesilapan tersalah letak kata nama masa dan kata nama tempat dalam ayat BC yang dibina oleh 40 orang pelajar-pelajar Melayu sahaja serta kaedah-kaedah pengajaran yang hanya digunakan oleh lima orang pensyarah dan guru BC. Kami mencadangkan agar kajian seterusnya boleh meneliti kesilapan urutan kata yang lain (misalnya tersalah letak kata tugas, frasa dan konstituen ayat) yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bukan Cina serta strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. Selain itu, perbezaan dari segi teknik pengajaran urutan kata BC yang digunakan di Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Brunei dan negara Thai juga boleh dikaji.

Penghargaan

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua responden guru yang sudi ditemubual serta Cik Chin Siao Mei yang banyak memberi bantuan dan kerjasama.

Rujukan

- Chen, R. S. (2008). *A study on syntactic errors and language transfer of Malay students in the process of learning Mandarin as a second language*. Tesis sarjana yang belum diterbitkan. Zhejiang: Zhejiang University.
- Cheun, H. H., Ho, W. C., & Hoe, F. T. (2009). *A study of Mandarin sentence grammar mistake made by non-native speaker*. Muat turun dari <http://pkukmweb.ukm.my/solls09/Proceeding/PDF/cheun%20et%20al.pdf>
- Erdogan, V. (2005). Contribution of error analysis to foreign language teaching. *Mersin University Journal of the Faculty of Education*, 1(2), 261-270.

- Hou, Y. L. (2008). Hanguo xuesheng shumianyu yuxu pianwu fenxi – Yi zhongji Hanyu shuiping xuesheng pianwu wei li. *Journal of Shaoxing University*, 28(12), 1-6.
- Lau, S. K., & Ng, L. L. (2011). A study of frequent errors in word order by Malaysian Malay students learning Chinese as a second language. Dlm Wong, L. Y., Ang, L. H., & Khoo K. U. (Eds.), *New trends and scientific implications on Chinese linguistic studies* (hlm. 83-94). Seri Kembangan: Cemerlang Publications Sdn. Bhd.
- Lu, J. J. (1994). Waiguoren xue Hanyu de yufa pianwu fenxi. *Language Teaching and Linguistic Studies*, 1(1), 49-64.
- Mi, R. Y. (2006). Guanyu Hanguo xuesheng ji zhong Hanyu yufa jieyou xide qingkuang de yanjiu he yufa jiaoxue. Dlm Wang, D. C. (Ed.), *Duiwai Hanyu luncong diwuji* (hlm. 316-339). Shanghai: Xuelin Chubanshe.
- Ooi, P. S. (1998). *Bahasa Mandarin dalam kalangan pelajar Melayu di Institut Teknologi Mara (ITM): Satu analisis kesilapan sintaksis*. Tesis Sarjana yang belum diterbitkan. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Ruan, Y. X. (2008). *Yuenan Xuesheng Hanyu Jufa Chengfen Yuxu Pianwu Fenxi*. Diperolehi dari <http://cdmd.cnki.com.cn/Article/CDMD-10602-2008119522.htm>.
- Su, J. L. (1999). Malai qingnian zai xuexi Hanyu zhong suo miandui de muyu ganrao. Dlm Huang, X. J. (Ed.), *Dier jie dongnanya Huawen jiaoxue yantaohui lunwenji* (hlm. 18-37). Selangor: Dong Jiao Zong Higher Learning Centre Bhd.
- Supian, M. N. (1994). *Analisis kesalahan penggunaan frasa kerja bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat KBSM: Satu kajian kes*. Tesis sarjana yang belum diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Toh, L. L., Ainol, H. J., & Wee, S. P. (2005). *Gangguan bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Mandarin di kalangan pelajar Melayu UiTM Johor: Satu analisis kesilapan sintaksis*. Laporan teknikal Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.
- Zhou, X. B., Zhu, Q. Z., & Deng, X. N. (2007). *Waiguoren xue Hanyu yufa pianwu yanjiu*. Beijing: Beijing Yuyan Daxue Chubanshe.
- Zhu, H., & Zeng, Z. C. (2010). Taiguoxuexing Hanyu yuxu xuexi de pianwu fenxi ji jiaoxue duice. *Journal of Yunnan Normal University*, 8(6), 78-84.